

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS  
TANGAU [ TUARAN ]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 31**

**DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU [ TUARAN ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kenapakah graduan Sarjana Muda Perubatan terpaksa menunggu penempatan lebih setahun sedangkan apabila mereka bertugas didapati mereka masih dibebankan kerja, kerana kekurangan kakitangan.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Faktor berlakunya graduan perubatan yang masih belum ditawarkan slot latihan siswazah adalah kerana jumlah keluaran graduan yang meningkat berbanding dengan jumlah slot latihan yang boleh disediakan di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Slot latihan siswazah di Hospital Latihan Siswazah pada masa ini adalah hanya sebanyak 12,033 slot latihan dan kesemua slot latihan tersebut telah diisi sepenuhnya oleh Pegawai Perubatan Siswazah (PPS). Slot tersebut hanya dikosongkan sebaik sahaja PPS sedia ada menamatkan latihan mereka.

Namun demikian, berdasarkan rekod KKM, sebanyak 32.9 peratus PPS tidak berjaya menamatkan latihan dalam tempoh dua (2) tahun seperti ditetapkan serta mengambil masa yang lebih lama untuk

menamatkan Latihan Siswazah kerana faktor peribadi dan kompetensi. Ini menyebabkan slot latihan tidak dapat dikosongkan untuk diisi oleh graduan perubatan baharu dan seterusnya menyebabkan berlakunya *backlog* (dengan izin). Justeru itu, buat masa ini hanya lebih kurang 3,091 orang PPS menamatkan latihan mereka setiap tahun sedangkan jumlah keluaran graduan perubatan dari dalam dan luar negara yang dianggarkan sebanyak 5,000 hingga 6,000 setahun.

KKM bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat di fasiliti kesihatan. Walau bagaimanapun, KKM dalam masa yang sama turut berhadapan dengan cabaran kekurangan peruntukan, kekurangan staf kesihatan serta beban tugas berlebihan seperti mana yang dinyatakan dalam Laporan Audit Negara 2018. KKM buat masa ini menggunakan pendekatan mengoptimumkan tenaga manusia bagi membolehkan penyampaian perkhidmatan diteruskan di fasiliti kesihatan. Sebagai langkah untuk mengatasi kekurangan perjawatan, KKM juga telah mengemukakan permohonan peruntukan dan perjawatan kepada agensi pusat khususnya bagi menangani keperluan di fasiliti baharu dan fasiliti yang dinaik taraf.

Sekian, terima kasih.